

*“Rezeki itu pasti ada bagi
 sesiapa yang bersungguh-
 sungguh mencarinya.”*

Jurutera ukir nama sebagai usahawan berjaya

DARIPADA seorang jurutera kepada usahawan berjaya. Begitulah tekad kuat Haji Ayoob Anggulia, yang mengubah kerjayanya kerana amat berminat dalam bidang niaga.

Kini, Haji Ayoob telah mengukir nama sebagai Pengarah Shahidah Travel & Tours Pte Ltd, dengan penjualan mencapai berjuta dolar.

Tahun lalu, syarikatnya meraih penjualan sebanyak \$8 juta.

Menceritakan pengalamannya, Haji Ayoob berkata, selepas lulus dengan diploma dari Politeknik Singapura, beliau bekerja dengan sebuah syarikat dalam bidang pembangunan automasi.

Beliau meneliti kaedah pengeluarannya terutama dalam perusahaan makanan.

Kemahiran keusahawanan beliau teruji apabila beliau memulakan Perkhidmatan Islam Shahidah, sebuah rundingcara dalam automasi mesin untuk memproses dalam perusahaan makanan.

Dengan kemahirannya sebagai jurutera, Haji Ayoob menghasilkan pelbagai mesin bagi membantu para usahawan kecil dalam bidang mereka seperti mesin automatik bagi memproses makanan.

Namun, beliau masih belum berpuas hati dengan penapaiannya.

Encik Ayoob, seorang usahawan yang dinamik dan kreatif, mula melangkah ke arah lebih jauh lagi dalam dunia perniagaan dengan memasuki bidang pelancongan dengan menyediakan khidmat haji dan umrah.

Hari ini, syarikatnya popular di kalangan para pelancong dan jemaah haji dan umrah.

Shahidah Travel bermula dengan hanya dua kakita-

ngan di sebuah pejabat yang kecil di Golden Landmark pada 1990.

La kini mempunyai dua pejabat dan menyediakan perkhidmatan pelancongan sepanjang tahun.

Ciri utamanya dalam memberi perkhidmatan yang profesional tergambar dalam ungkapan rasminya 'satu tradisi, mesra dan amanah'.

Menurut Haji Ayoob, beliau ingin menyediakan yang terbaik buat para pekerja.

Setiap pekerja diberi latihan yang mencukupi dan pendedahan agar mereka boleh memberi yang terbaik untuk para pelanggannya.

Rancangan memperkenalkan teknologi maklumat (IT) untuk kerja-kerja memproses sedang giat dijalankan.

Shahidah Travels, salah sebuah pengendali pelancongan terbesar di sini, telah melabur sekitar \$20,000 bagi sistem IT dan komputer untuk memperkemas segala prosedur.

"Tanpa komputer, kita tidak dapat mengendalikan bilangan jemaah yang besar.

"Komputer bukan saja membolehkan kita melakukan kerja dengan lebih baik dan pantas, ia juga membuat saya meneliti semula segala prosedur kerja, merancang untuk masa hadapan dan terus bersaing," kata beliau, yang mempunyai sebuah pejabat di Arab Saudi.

Ketika ditanya mengenai rancangan masa depannya, beliau berkata:

"Syahidah akan terus tumbuh dan giat mengembangkan perkhidmatannya."

Ia sedang dalam proses membangunkan sebuah jabatan untuk mengendalikan tempahan hotel dan tiket korporat, termasuk menguruskan para pelancong yang melawat Singapura.

AYOOB ANGGULIA



“Syahidah akan terus tumbuh dan giat mengembangkan perkhidmatannya.”

— Haji Ayoob Anggulia, pengarah Shahidah Travel & Tours Pte Ltd, yang meraih penjualan sebanyak \$8 juta tahun lalu dan dalam proses membangunkan sebuah jabatan untuk mengendalikan tempahan hotel dan tiket korporat, termasuk menguruskan para pelancong yang melawat Singapura.

Begitulah kata-kata yang dapat diungkapkan bagi menggambarkan kejayaan Encik Ayoob Anggulia yang merupakan pengarah urusan bagi syarikat Shahidah Travel & Tours.

Tekun berusaha dan berdoa, insya Allah kejayaan itu akan menjadi milik kita.

Ayuh kita selongkar sedikit rahsia kejayaan Encik Ayoob.

Lawat negara2 Islam lepas haji tren baru

MELAWAT ke negara-negara Islam selepas menunaikan rukun Islam yang kelima merupakan satu tren baru di kalangan kebanyakan jemaah haji hari ini.

Ini telah mendorong sebuah syarikat tempatan untuk mengadakan perkhidmatan sampingan dengan menganjurkan lawatan ke beberapa buah negara Islam di Timur Tengah.

Encik Ayoob Y. Angullia, Penasihat dan Pengurus Lawatan Perkhidmatan Islam Shahidah (PIS), memberitahu bahawa khidmat yang ditawarkan oleh syarikatnya itu merupakan satu usaha percubaan bagi menggalakkan lebih ramai orang Islam mengunjungi negara-negara Islam yang berhampiran, setelah menunaikan fardu haji.

Beliau berkata: "Kami akan melihat reaksi orang-orang ini terhadap projek pelancongan ke negara-negara Islam yang lain dan melihat tempat-tempat bersejarah yang ada kaitan dengan agama.

"Di samping itu, mereka juga akan berkesempatan mempelajari cara hidup masyarakat Islam di negara-negara lain," katanya.

Cik Halijah Abdul Hamid, pegawai pentadbir PIS, pula berkata: "Setelah menguruskan jemaah haji sejak kira-kira lima tahun lalu, saya lihat semakin ramai jemaah yang suka melancong ke negara-negara Islam di luar Mekah selepas menunaikan fardu haji.

"Jadi, kami berpendapat bahawa adalah baik kalau kita sendiri cuba menganjurkan lawatan-lawatan itu khusus untuk orang-orang Islam yang sudah ada kesedaran untuk melancong.

"Kami juga berfikir adalah baik bagi orang-orang Islam mengeluarkan wang untuk melawat negara-negara Islam dan melihat tempat-tempat bersejarah yang ada kaitan dengan agama dari melancong ke negara-negara asing."

Bimbang

PIS, yang turut menguruskan jemaah haji, pernah mengadakan lawatan ke Kaherah untuk para jemaah hajinya di masa-masa lalu. Tetapi ini adalah secara kecil-kecilan.

Mulai tahun ini, PIS cuba mengaturkan lawatan di luar musim haji dan buat pertama kali juga ia akan membawa pelawat-pelawatnya ke Masjid Al-Aqsa di Baitul-makdis.



• ENCIK AYOOB



• ENCIK HALIJAH

menyertai rombongan itu.

Setiap orang dikenakan bayaran sebanyak \$3,495 termasuk tambang, tempat tinggal, makanan dan kenderaan semasa berada sana kelak.

Sediakala

Encik Ayoob selanjutnya berkata bahawa orang-orang kita tidak perlu bimbang tentang pergolakan di rantau itu.

"Penyelidikan dan maklumbalas yang kami terima menunjukkan bahawa

keadaan di sana adalah aman dan seperti biasa. Peperangan hebat telah berakhir lima tahun dulu," katanya.

"Perniagaan sudah pulih seperti sediakala dan ramai peniaga kelihatan berulang-alk menguruskannya permagaan mereka."

Orang ramai yang berminat untuk melancong ke tempat-tempat bersejarah di negara-negara Islam itu boleh menghubungi PIS menerusi telefon 4432234.

PERJALANAN HIDUP BELIAU

Langkah kehidupan beliau bermula di di Jalan Yasin. Ketika itu, beliau tinggal bersama-sama datuk, nenek, ayah, ibu, pakcik dan anak-anak pakciknya.

Ayahnya asal Mauritius sementara ibunya pula lahir di Gujarat, India. Pertuturan seharian mereka adalah bahasa orang-orang Mauritius iaitu bahasa Creole, dari dialek Perancis. Selain dari bahasa Mauritius yang digunakan, santapan seharian mereka juga adalah santapan Mauritius.

Encik Ayoob dibesarkan di sebuah rumah banglo di Jalan Ladang, Singapura. Keluarganya kemudian terpisah kerana sebahagiannya tinggal di Etrick Terrace manakala sebahagiannya yang lain pula di Burnfoot Terrace.

Sejak beliau tinggal di situ, beliau gemar pergi ke kelas mengaji. Demi mendalami ilmu bacaan Al-Quran, beliau sanggup ke Masjid Kampung Siglap walaupun dengan berjalan kaki. Melihat ketekunan beliau dalam belajar mengaji, bapanya membuat keputusan untuk berpindah ke rumah sewa berdekatan dengan masjid itu. Orang-orang kampung juga menerima beliau di situ dengan hati terbuka.

Pada usianya 15 tahun, serombongan tabligh datang kepadanya. Mereka menggalakkannya untuk beribadah dan berkhidmat pada masyarakat.

Sekolah Rendah Dunman menjadi sekolah rendah pertama Encik Ayoob. Kemudiannya, beliau sambung di Sekolah Teknikal Tanjong Katong dan seterusnya di Politeknik Singapura.

Selain dari itu, membaca juga merupakan hobi masa lapangnya juga. Beliau seringkali ke perpustakaan British Council untuk mencari bahan-bahan rujukan selain dari membaca majalah.

Sumbangan beliau kepada masyarakat juga kerap kali memasuki akhbar Berita Harian, Singapura.



Usaha dan Niaga

15/12/1981

Oleh
AHMAD MOHD DON

Ayoob jaya cipta jentera automatik

SETIAP kali beliau menemui barang-barang makanan yang dimasak oleh orang Melayu, seperti cili giling dan cil sos, kicap, rempah dan seumpamanya, beliau akan bertanya bagaimana mereka menghasilkannya?

Walaupun beliau menghadapi kesulitan untuk mendapat jawapan yang jelas mengenai soal-soal tersebut kerana tuannya agak keberatan untuk membuka rahsia "perusahaan di belakang rumah", tetapi sifat luhur tahu beliau telah mendorong beliau terus berkhidmat.

Berjaya

Encik Ayoob Y Anggilla, 36 tahun, memarah minat yang dalam terhadap persoalan itu kerana beliau percaya beliau dapat menolong dalam membina proses penghasilan yang digunakan oleh pengusaha kecil-kecilan itu.

Pengurus syarikat Perkhidmatan dalam Shahidah ini adalah perunding berbagai perkhidmatan, khususnya penggunaan jentera-jentera automatik bagi perusahaan makanan.

Ushahnya yang tidak



ENCIK AYOOB

kan adalah leceb dan memarah masak.

Menurutnya, seorang mengambil masa sekurang-kurangnya tiga minit untuk membubuh cili ke dalam plastik, menimbang dan mengkalanya. Ini bermakna, hanya 20 atau lebih-lebihnya 30 bungkus dihasilkan dalam satu jam.

Apabila beliau menerangkan kepada pengusaha berkenaan bahawa proses itu dapat dibaloi dan hasilnya akan lebih baik, pengusaha berkenaan memberi kesempatan kepadanya untuk mencuba.

Pergiat

Dengan jentera yang dicipta oleh Encik Ayoob, pengusaha tersebut telah dapat melipat-gandakan hasilnya dan sedia menerima tempahan, walau bagaimanapun sekalipun.

Kejayannya yang pertama itu telah mendorong Encik Ayoob untuk mempergiat usahanya, sehingga tertubuh syarikat Shahidah pada Mac tahun ini. Dan bilangan syarikat yang mendatangi pengusaha itu semakin bertambah.

Tidak berapa lama kemudian, beliau diminta merangka jentera untuk

memproses rempah dan kicap oleh sebuah syarikat rempah yang terkemuka.

Jentera itu telah menolong dalam mempercepat penghasilannya.

Pusat masa ini, beliau sedang meneliti beberapa projek, termasuk merangka jentera proses pengaliran bagi syarikat cili giling secara besar-besaran di Ang Mo Kio dan Kilang Napan di Sungai Kadut.

"Adalah mengagumkan semakin ramai pengusaha kita yang telah sedia betapa pentingnya jentera automatik dalam penghasilan mereka; lebih-lebih lagi di masa sekarang apabila tenaga pekerja sukar diperolehi."

"Sudah sampai masanya bagi kita menggunakan jentera dalam pengeluaran barang-barang makanan kerana jika tidak, kita akan mendapati semakin sukar untuk bersaing dalam pasaran yang amat pesat," jelas Encik Ayoob.

Beliau, bagaimanapun, mengakui bahawa masih ramai pengusaha kita yang teragak-agak untuk menggunakan jentera automatik apabila memikirkan kosnya yang mereka sukutkan sebagai tinggi.

Sebenarnya, Encik Ayoob memeringkan, kos

pengeluaran akan lebih rendah adakalanya sebagai perusahaan menggunakan jentera automatik, walau pun perbelanjaan bagi memasang jentera tersebut adalah mahal.

Menyebut projek pertama beliau sebagai contoh, beliau menyatakan perbelanjaan 44,000 yang dikotakan oleh syarikat itu, telah dapat diperolehi semula dalam masa beberapa bulan saja.

"Saya harus akui bahawa perbelanjaan awa bagi memasang jentera automatik adalah mahal tetapi dari segi jangka panjang, ia adalah lebih murah dari perbelanjaan tenaga buruh."

Mereka yang menifiatkannya mahal mengikis menggunakan tenaga anggota usahanya yang dibayar dengan moral sekali. Tetapi sampai bilakah tenaga mereka dapat digunakan," tanya Encik Ayoob.

Selain dari menyediakan proses pengeluaran, beliau juga sedia memberi maklumat tentang keadaan pasaran, sumber bahan-bahan mentah dan keadaan pemasarannya.

Terjejas

Seorang lulusan Politeknik jurusan kejuruteraan pengeluaran, Encik Ayoob kini bertugas sebagai penyelia kanan di sebuah syarikat elektronik, tetapi mempunyai masa untuk menjalankan perniagaan sampingan itu.

Harapannya ialah pada syarikat-syarikat kecil di daerah-daerah kampung, khususnya di Jalan Eunos dan Kaki Bukit yang akan terjejas dengan penempatan semula, tetapi tidak yakin dapat meneruskan perniagaan mereka.

Katanya: "Sekiranya syarikat-syarikat yang terjejas itu mendapat tempai di kilang, tetapi tidak menggunakan jentera automatik dalam pengeluaran barang-barang makanan mereka, adalah dikawatirkan masa depan mereka akan gelap sukar."

Beliau menegaskan dengan penekanan yang diberikan pada barang-barang yang bermutu, syarikat-syarikat orang Melayu terpaksa mengikis arus jika mereka tidak mahu ketinggalan atau tewas dalam persaingan.

Dewasa ini, Encik Ayoob sedang mencari peluang untuk membolehkan beliau bergerak sepenuhnya masa agar perkhidmatan yang disediakan dapat dinikmati oleh seberapa ramai pengusaha kita.



● DENGAN jentera ciptaan Encik Ayoob, seorang pekerja dapat menjalankan kerja beberapa orang dalam mengid dan menyukat cili giling ke dalam plastik.